

AKIDAH

DISUSUN OLEH:

Ust. Zahrina binti Haron

Dr. Yusri bin Chek

Us. Muhammad Hakim bin Ismail

TOPIK 1: PENGENALAN ILMU AQIDAH

1.0 PERBAHASAN UMUM ILMU AQIDAH

1.1 TAKRIF

Ilmu Aqidah ialah 'ilmu yang membahaskan tentang perkara-perkara kepercayaan keagamaan dengan dalil-dalilnya yang meyakinkan. Aqid Diniyyah adalah perkara-perkara yang dipercayai oleh seseorang, sebagai seorang Muslim, yang mana ianya adalah termasuk dalam ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW.

Ilmu ini juga dinamakan sebagai 'Ilmu Tauhid'. Makna Tauhid dari sudut bahasa: Pengetahuan bahawa semuanya adalah satu. Manakala maksud Tauhid secara praktikal (amali) adalah: Mengesakan Allah dalam ibadah dengan i'tiqad akan keesaan-Nya dari sudut zat, sifat dan perbuatan- perbuatan-Nya.

1.2 HUKUM MEMPELAJARI ILMU AQIDAH

Hukum mempelajari 'ilmu Aqidah yang asas adalah Fardu 'Ain, iaitu setiap Mukallaf wajib mengetahuinya dengan dalil yang meyakinkan, walaupun dengan dalil ringkas. Apa yang wajib diketahui adalah tentang asas- asas 'Aqidah Islam yang disampaikan oleh Rasulullah, iaitu tentang keimanan kepada Allah, Rasül-Nya ﷺ dan perkara-perkara ghaib, yang daruri (semua orang Islam sepatutnya mengetahuinya). Pengetahuan terhadap kepercayaan-kepercayaan keagamaan tersebut perlulah berteraskan dalil yang meyakinkan, supaya dia keluar dari peringkat Taqlid dan berada pada peringkat Ma'rifah.

1.3 KEPENTINGAN BERPEGANG DENGAN AQIDAH ISLAM

1. Membebaskan manusia daripada pengibadahan selain kepada Allah

Dengan mempelajari Aqidah, manusia akan meyakini kewujudan yang hakiki hanyalah Allah semata-mata, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, dan hanya pada Allah tempat bergantung harap, juga memohon bantuan. Firman Allah:

وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ ۚ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۚ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ ۚ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Maksudnya: *Dan janganlah engkau menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia. Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat Allah. BagiNya kuasa memutuskan segala hukum, dan kepadaNya kamu semua dikembalikan (untuk dihitung amal masing-masing dan menerima balasan).*

2. Membebaskan akal daripada bertaqlid buta

Gesaan untuk berfikir dan memaksimumkan penggunaan akal. Firman Allah:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ ۚ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: *Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? Tidakkah kamu mahu berfikir?"*

3. Berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah dalam kehidupan

Tuntutan beraqidah berpandukan wahyu dengan mentaati segala suruhan dan menjauhi larangan syara'. Firman Allah:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: *Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, supaya kamu diberi rahmat.*

4. Mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Pegangan Aqidah yang kuat akan melahirkan umat Islam yang mampu mengecap kebahagiaan di dunia juga kebahagiaan di akhirat iaitu mendapat kenikmatan syurga dan terhindar dari neraka. Firman Allah:

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: *Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.*

1.4 PEMBAHAGIAN HUKUM

Hukum: Mensabitkan sesuatu dengan sesuatu yang lain atau menafikannya samada dengan perantara syarak, adat ataupun aqal. Hukum terbahagi kepada tiga bahagian:

1. Hukum Syarak: Sesuatu yang menjadi penentu hukum kepada syariat seperti kewajiban menunaikan solat, pengharaman berzina.
2. Hukum Adat: Sesuatu yang menjadi perantara mensabitkan adat kebiasaan yang berlaku atas jalan pengulangan atau atas dasar pengalaman. Contoh: Api itu membakar, Pisau itu membelah, Ubat itu menyembuhkan.
3. Hukum Aqal: Sesuatu yang menjadi perantara pensabitan logika seperti satu itu separuh daripada dua. Dan hukum aqal inilah menjadi tulang belakang pembelajaran kita.

1.5 HUKUM AQAL

Aqal yang Allah ciptakan dalam diri manusia adalah sebagai alat pengukur untuk menentukan hakikat dan kebenaran sesuatu. Aqal juga menjadi kayu pengukur sejagat yang disepakati seluruh manusia tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman yang dianut. Oleh sebab itu, para ulama' menyusun tiga prinsip hukum akal:

Pertama: Wajib Aqli (dari sudut hukum 'aqal). Iaitu: Sesuatu yang tidak boleh tiada (atau tidak boleh tidak thābit) secara zatnya. Contoh: Kewujudan Maha Pencipta di sebalik alam yang baharu ini.

Wajib pada hukum 'aqal, kewujudan Maha Pencipta di sebalik alam yang baharu ini, kerana setiap yang baharu pasti ada yang menciptakannya. Maka, kewujudan Maha Pencipta adalah wajib 'aqlī iaitu tidak boleh tiada atau tidak boleh tidak thābit sama sekali.

Kedua: Mustahil 'Aqli (dari sudut hukum 'aqal). Iaitu, sesuatu yang tidak boleh ada (atau tidak boleh thābit) secara zatnya. Contoh: Kelemahan Maha Pencipta. Ini kerana, menurut penilaian 'aqal, Maha Pencipta kepada alam yang baharu ini bersifat lemah adalah mustahil 'aqlī, kerana sesuatu yang lemah tidak akan kepada sesuatu, sedangkan alam ini sudah diciptakan daripada tiada, maka pastilah Penciptanya tidak bersifat.

Ketiga: Ja'iz Aqli (boleh / harus dari sudut hukum 'aql). Iaitu, sesuatu yang boleh ada (atau boleh thabit) dan boleh tidak ada (atau boleh tidak thābit) secara zatnya. Contohnya: Kewujudan atau ketiadaan seorang anak bagi pasangan yang bernikah. 'Aql sememangnya dapat menerima, sama ada anak bagi pasangan yang bernikah itu wujud ataupun tidak wujud sama sekali.

1.6 ISTILAH UNTUK MAKHLUK

Makhluk dalam ilmu Aqidah digunapakai dalam beberapa istilah dan merujuk kepada maksud tujuan tertentu:

Istilah	Makhluk	Alam	Mumkin	Hadith
Maksud	Sesuatu yang diciptakan	Sesuatu yang terdiri daripada jawhr dan ‘arad	Sesuatu yang boleh dijadikan dan ditiadakan	Sesuatu yang baharu iaitu ada pengawalan dalam kejadian
Contoh	Manusia adalah sebaik-baik makhluk yang diciptakan Allah.	Antara bukti kewujudan Tuhan adalah wujudnya alam.	Ta’aluq Sifat Qudrah adalah kepada mumkin	Allah bersifat Qadim yang berlawanan dengan Hadith.

TOPIK 2: AL-ILAHİYAT

Dalam bab ini kita akan membincangkan tentang Tuhan yang merangkumi sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi hak Allah taala. Adapun pengetahuan berkenaan zat Tuhan sangatlah terhad atas keterbatasan aql manusia, tidak juga mampu dicerap oleh pancaindera. Oleh hal yang demikian, Rasulullah memerintahkan kita untuk berfikir mengenai sifat dan ciptaan Allah bukanlah berfikir pada ZatNya.

2.1 JENIS-JENIS SIFAT KETUHANAN

Para ulama' membahaskan sifat-sifat ketuhanan Allah ini pada beberapa jenis sifat iaitu:

1. **Sifat Nafsiyyah**, iaitu sifat kedirian Allah. Ia dalah sifat wujud.
2. **Sifat Salbiyyah**, iaitu sifat-sifat yang bermaksud semata-mata penafian kekurangan daripada Allah.
3. **Sifat Ma'ani**, iaitu sifat-sifat yang bermaksud penetapan kesempurnaan Allah.
4. **Sifat Ma' nawiyyah**, para ulama' berbeza pandangan tentang jenis sifat Ma' nawiyyah. Ia adalah keadaan-keadaan yang melazimi sifat-sifat Ma'ani tadi.

2.1.1 SIFAT NAFSIAH

a) Wujud

Huraian Sifat: Sesuatu yang wujud itu ada dua jenis iaitu:

1. Wujud yang tiada permulaan bagi kewujudannya dan tiada faktor bagi kewujudannya. Ia disebut sebagai Wajib al-Wuiüd. Inilah kewujudan Maha Pencipta.
2. Wuiud yang berasal daripada ketiadaan, dan ada permulaan bagi kewujudannya. Ia disebut sebagai Mumkin al- Wujüd yang bersifat baharu. Kita dan alam ini seluruhnya wujud daripada tiada, maka kewujudan kita adalah baharu, dan kita disebut sebagai Mumkinät.

Mumkinät (atau Mumkin) bermaksud, sesuatu yang boleh ada dan boleh tidak ada, secara hakikat dirinya, yang mana kewujudannya berhajat (memerlukan) kepada Pencipta yang mewujudkannya, dan kekal wujudnya berhajat kepada Pemelihara bagi kelangsungan kewujudannya.

Sifat Berlawanan: ‘Adam (Tiada)

Dalil:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ

Maksudnya: Allah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya dalam enam masa.

2.1.2 SIFAT SALBIAH

Makna sifat Salbiyyah ialah, suatu sifat yang disabitkan kepada Allah, yang membawa maksud (Madlul) ketiadaan, atau penatian sesuatu yang tidak layak bagi-Nya.

Sifat-sifat tersebut adalah:

1.	Qidam	Tiada Pemulaan
2.	Baqa’	Tiada Pengakhiran
3.	Mukhalafatuhu Lil Hawadith	Tiada Persamaan dengan Makhluq
4.	Qiyamuhu Bi Nafsihi	Tiada Pergantungan dengan selain-Nya
5.	Wahdaniyah	Tiada Berbilang-bilang

Kesemua sifat-sifat tersebut membawa maksud menafikan segala bentuk kekurangan dan kecacatan bagi Allah Taala.

Sifat Qidam

Huraian Sifat:

Qidam bererti, tiada permulaan bagi Zat Allah dan sifat-sifat-Nya. Begitu juga, Zat dan Sifat-Sifatnya tidak berubah-ubah.

Sifat Berlawanan: al-Huduth (Baharu)

Dalil:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ

Maksudnya: *Dia lah Yang Awal dan Yang Akhir.*

Sifat Baqa'

Huraian Sifat:

Sifat Baqa' bererti, tiada kesudahan bagi Allah, sama ada Zat mahupun sifat-sifat-Nya. Allah adalah satu-satu-Nya yang wujud secara kekal abadi, sedangkan semua selain Nya, jika kekal sekalipun, hanya dikekalkan oleh Allah.

Sifat Berlawanan: Fana (Musnah)

Dalil:

وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Maksudnya: *Dan akan kekalah Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan.*

Sifat Mukhalafah Lil Hawadith

Huraian Sifat:

Tiada persamaan dengan perkara-perkara yang baharu. Iaitu, Allah itu tidak menyerupai sebarang makhluk sama ada secara menyeluruh dari segenap sisi, ataupun secara cabang iaitu dari sisi tertentu. Allah juga tidak bersifat dengan sebarang sifat baharu dan kelaziman-kelazimannya.

Zat Allah tidak ada permulaan, tidak ada perubahan, tidak berjisim, tidak mempunyai sebarang kelaziman kejisiman, tidak beranggota, tidak berjuzuk-juzuk dan tidak mengambil tempat dan ruang.

Zat Allah tidak mempunyai batasan, ukuran dan tidak mempunyai had. Allah juga tidak boleh disifatkan dengan sebarang warna seperti makhluk. Allah juga tidak berada pada mana-mana posisi atau kedudukan. Zat Allah tidak diliputi dengan sebarang jarak.

Sifat Berlawanan: Mumasalah lil Hawadith (Persamaan dengan Makhluk)

Dalil:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

Maksudnya: *Tiada sesuatupun yang sebanding dengan-Nya.*

Qiyamuhu Bi Nafsihi

Huraian Sifat:

Sifat Qiyamuhu bi al-Nafs bererti suatu sifat bagi Allah yang bermaksud Zat Allah itu tetap wujud tanpa bergantung kepada sesiapa, dan tidak berhajat (ataupun tidak memerlukan) kepada selain-Nya. Zat Allah dan sifat-sifat-Nya wujud sejak azali tanpa sebarang penentu dan penyebab bagi kewujudannya.

Sifat Berlawanan: Bergantung kepada selain-Nya

Dalil:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ

Maksudnya: *Oleh kerana Allah menguasai segala-galanya, maka) wahai umat manusia, kamulah yang sentiasa berhajat kepada Allah (dalam segala perkara), sedang Allah Dialah sahaja Yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.*

Wahdaniyah

Huraian Sifat:

Wahdaniyyah bererti keesaan. Iaitu, tiada berbilang. bilang. Maksudnya, Allah itu Maha Esa, dari sudut Zat, sifat-sifat, dan perbuatan-Nya.

Tiada yang menyerupai Allah pada zat-Nya, sifat-sifat-Nya mahupun pada perbuatan-perbuatan-Nya. Maksudnya, tiada zat yang sama dengan zat Allah, sebagaimana tiada sifat sama dengan sifat-sifat-Nya. Begitu juga, tiada yang mampu melakukan perbuatan Allah.

- **Pembahagian Makna Wahdaniyyah**

Para ulama' membahagikan Wahdaniyyah ini kepada lima bahagian iaitu:

1. **Wahdaniyyah dari sudut Zat.** Iaitu: Penafian berbilang-bilangnya Allah dari sudut Zat Nya. Ia ada dua jenis:
 - a. Zat Allah tidak mempunyai sebarang ukuran, pembahagian anggota, dan juzuk.
 - b. Tiada diri atau zat yang sama dengan Zat Allah.
2. **Wahdaniyyah dari sudut Sifāt.** Iaitu: Penafian berbilang-bilangnya Allah dari sudut Sifat-Nya. Ia ada dua jenis:
 - a. Sifat Allah tidak berbilang-bilang daripada satu jenis yang sama seperti berbilang-bilang Qudrah dan sebagainya.
 - b. Tiada sesuatu pun sama sifatnya seperti Sifāt Allah.
3. **Wahdaniyyah dari sudut Afāl (Perbuatan).** Iaitu: Menafikan berbilang-bilangnya Allah as dari sudut perbuatan-Nya. Apa yang ternafi pada berbilang-bilang dari sudut perbuatan ada satu jenis sahaja iaitu: Tiada sesuatu pun yang boleh memberi kesan selain daripada Allah.

Sifat Berlawanan: Syirik

Dalil:

وَاللَّهُمَّ إِلَهٌ وَحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: *Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa; tiada Tuhan (Yang berhak disembah) selain dari Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.*

2.1.3 SIFAT MA'ANI

Tujuan sifat ma'ani adalah untuk mensabitkan segala kesempurnaan bagi Allah Ta'ala.

Sifat Ma'ani terdapat tujuh bahagian:

1.	Sifat Qudrah	Sifat Berkuasa
2.	Sifat Iradah	Sifat Berkehendak
3.	Sifat Ilm	Sifat Berilmu
4.	Sifat Hayah	Sifat Hidup
5.	Sifat Sama'	Sifat Mendengar
6.	Sifat Basar	Sifat Melihat
7.	Sifat Kalam	Sifat Berkata

1. Sifat Qudrah

Huraian Sifat:

Sifat Qudrah ialah suatu sifat yang ada pada zat-Nya yang mana dengan sifat tersebut Allah mengadakan dan mentiadakan makhluk mengikut kehendak-Nya.

Sifat Berlawanan: al-Ajz (Lemah)

Dalil:

وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا

Maksudnya: *Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*

2. Sifat Iradah

Huraian Sifat:

Sifat Iradah ialah sifat yang ada pada zat-Nya yang mana dengan sifat-Nya mengkhususkan bagi sebahagian mungkin apa yang jaiz baginya.

Sifat Berlawanan: al-Ikrah (Terpaksa)

Dalil:

فَعَالٌ لِّمَا يُرِيدُ

Maksudnya: *Yang berkuasa melakukan segala yang dikehendakinya*

3. Sifat Ilmu

Huraian Sifat:

Sifat Ilmu ialah sifat yang ada pada zat-Nya yang mana dengan sifat-Nya terasingkaplah segala sesuatu di sisi-Nya.

Sifat Berlawanan: Jahil

Dalil:

وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui akan segala sesuatu.*

4. Sifat Hayah

Huraian Sifat:

Sifat Hayah ialah suatu sifat dengan sifat-Nya sah lah Allah bersifat dengan sifat pengetahuan, kehendak, dan kekuasaan.

Sifat Berlawanan: Mati

Dalil:

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ

Maksudnya: *Dan berserahlah engkau kepada Allah Tuhan yang Hidup yang tidak mati.*

5. Sifat Sama'

Huraian Sifat:

Sifat Sama' ialah sifat yang ada pada zat-Nya yang mana dengan sifat-Nya terasingkaplah semua yang ada (Maujud) yang dapat didengari dengan singkapan yang berbeza dengan Sifat Ilm.

Sifat Berlawanan: Pekak

Dalil:

وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: *Dan Dialah Maha Mendengar lagi Maha Mendengar.*

6. Sifat Basar

Huraian Sifat:

Sifat Basar' ialah sifat yang ada pada zat-Nya yang mana dengan sifat-Nya terasingkaplah semua yang ada (Maujud) yang dapat dilihat dengan singkapan yang berbeza dengan Sifat Ilm.

Sifat Berlawanan: Buta

Dalil:

وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: *Dan Dialah Maha Mendengar lagi Maha Mendengar.*

7. Sifat Kalam

Huraian Sifat:

Sifat Kalam ialah suatu sifat yang ada pada Zat-Nya yang mana dengan sifat tersebut, ditunjukki semua yang diketahui(ma'lumat) di sisi pengetahuan Allah tanpa sebarang kebaharuan padaNya.

Sifat Berlawanan: Bisu

Dalil:

وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا

Maksudnya: *Dan Allah telah berkata kepada Nabi Musa dengan perkataan (secara langsung, tiada perantaraan).*

TOPIK 3: NUBUWWAT

3.0 Pengenalan Nubuwat

3.1 Takrif Nabi dan Rasul

Pengertian nabi dari sudut bahasa:

Orang-orang Arab pada kebiasaannya menggunakan perkataan nabi di dalam dua bentuk seperti berikut:

Pertama: Perkataan nabi yang berakhir dengan huruf hamzah.

Kedua: Perkataan nabi yang berakhir tanpa huruf hamzah.

Perbezaan pendapat di kalangan ahli bahasa dan ulama Islam mengenai perkataan tersebut adalah berpunca daripada kedua-dua bentuk tadi. Berhubung dengan persoalan ini, Ibn Durayd berpendapat perkataan nabi yang dimasukkan huruf hamzah di akhir adalah berasal daripada perkataan al-naba' yang membawa pengertian khabar atau berita.

Ibn Manzur turut berpendapat demikian berdasarkan dalil yang dipetik daripada al-Qur'an: "Tentang apakah mereka saling bertanya-tanya? Tentang berita (al-naba) yang besar."

Dalil kedua: "Siapakah yang memberitahukan (anba'a) hal ini kepadamu? Nabi menjawab: Allah yang Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal telah

3.2 Tujuan Pengutusan Nabi dan Rasul

Antara tujuan Pengutusan Nabi dan Rasul adalah:

- i. Untuk menyampaikan ajaran dan petunjuk dari Allah kepada manusia.
- ii. Manusia tidak boleh lagi berdalih pada hari kiamat nanti ketika menerima balasan amalan masing-masing kerana para rasul telah diutuskan kepada mereka.
- iii. Membawa rahmat kepada manusia yang dapat memandu akal fikiran mereka untuk mendapat hidayah dengan tunjuk ajar daripada para rasul.

- iv. Untuk menjadi ikutan dan panduan dari segi perbuatan, percakapan dan akhlak mulia yang akhirnya akan membawa manusia bahagia dunia dan akhirat.

3.3 Perbezaan Nabi dan Rasul

Terdapat beberapa perbezaan antara Nabi dan Rasul. Antaranya adalah:

a) Rasul

Seorang lelaki pilihan Allah yang diberikan wahyu dalam bentuk syarak dan diperintahkan / wajib untuk disampaikan kepada kaumnya (mukhbir / مخبر).

b) Nabi

Seorang lelaki pilihan Allah yang diberikan wahyu dalam bentuk syarak tetapi tidak diperintahkan untuk disampaikan kepada kaumnya (mukhbar / مخبر). Apa yang wajib ke atas para nabi ialah memberitahu manusia yang mereka adalah para nabi supaya dihormati.

3.4 Jumlah Nabi dan Rasul

Tidak dapat diketahui jumlah sebenar para nabi. Walau bagaimanapun, ada pendapat yang mengatakan para nabi adalah seramai 124,000 orang.

Daripada jumlah tersebut, 313 orang adalah para rasul. Nama-nama mereka yang wajib diketahui satu persatu adalah 25 orang iaitu (1) Nabi Adam, (2) Idris, (3) Nuh, (4) Hud, (5) Saleh, (6) Ibrahim, (7) Luth, (8) Ismail, (9) Ishaq, (10) Ya'qub, (11) Yusuf, (12) Ayyub, (13) Syu'aib, (14) Zulkifli, (15) Musa, (16) Harun, (17) Ilyasa', (18) Daud, (19) Sulaiman, (20) Ilyas, (21) Yunus, (22) Zakaria, (23) Yahya, (24) Isa dan (25) Nabi Muhammad. Mereka adalah Nabi dan Rasul.

3.5 Rasul Ulul Azmi

Manakala 5 orang daripada mereka adalah paling utama, disebut Rasul Ulu al-'Azmi (yang mempunyai kesabaran yang tinggi ketika melaksanakan arahan Allah yang sukar) iaitu mengikut urutan keutamaan: (1) Nabi Muhammad, (2) Nabi Ibrahim, (3) Nabi Musa, (4) Nabi Isa dan (5) Nabi Nuh, alaihimussalam.

3.6 Sifat Nabi dan Rasul (Takrif, Dalil Naqli)

3.6.1 Sifat Wajib

1. SIDDIQ

Ia bererti perkataan dan perbuatan para rasul, sama ada yang berkaitan dengan dunia ataupun akhirat adalah benar dan tidak bertentangan dengan hukum hakam syarak. Mereka benar dalam kenabian (al-nubuwwah) dan membawa risalah dari Allah Ta'ala (ar-risalah).

Mustahil lawannya Dusta.

Mereka juga benar dalam membawa perkhabaran dari Allah Ta'ala termasuklah perkara ghaib, walaupun dengan jalan bergurau.

-Dalil Naqli

وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ

Maksudnya: *Telah benar Allah Ta'ala dan Rasul-Nya...*

2. AMANAH

Ia bererti para rasul bersikap amanah dalam menyampaikan apa sahaja yang disuruh oleh Allah Ta'ala untuk menyampaikannya.

Mereka terpelihara secara zahir dan batin daripada melakukan perkara yang haram, makruh dan menyalahi yang utama (khilaf awla) sejak daripada awal kejadian mereka sehingga wafat.

Mustahil lawannya Khianat.

-Dalil Naqli

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ

Maksudnya: ... Sesungguhnya aku ini seorang Rasul yang amanah, yang diutuskan kepada kamu.

3. TABLIGH (MENYAMPAIKAN)

Ia bererti para rasul menyampaikan segala apa yang disuruhkan oleh Allah Ta'ala untuk disampaikan kepada segala makhluk-Nya termasuk suruhan dan larangan-Nya supaya mereka mendapat keselamatan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Mustahil lawannya Menyembunyikan.

-Dalil Naqli

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ

Maksudnya: Wahai Rasul, sampaikan apa diturunkan kepada kamu daripada Tuhanmu...

4. FATHANAH (BIJAKSANA)

Para rasul sangat bijaksana, cerdas dan pintar dalam bertanya dan menjawab pertanyaan umat serta mematahkan hujah dan membatalkan dakwaan musuh.

-Dalil Naqli

Mereka adalah cerdik; antaranya kisah Nabi Ibrahim yang memecahkan berhala-berhala kecil sembahkan kaumnya dan tidak memecahkan yang besar.

Nabi Muhammad paling cerdik di kalangan para rasul seperti dalam firman Allah Ta'ala:

وَجَادِثُهُمْ بِأَلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: Bantahi olehmu ya Muhammad akan mereka itu dengan hujah yang terlebih baik daripadanya.

Jika para rasul tidak bijaksana, maka mereka tidak akan disuruh oleh Allah Ta'ala untuk bermujadalah kerana mujadalah memerlukan kebijaksanaan dan kecerdikan.

Mustahil lawannya Jahil.

3.6.2 Sifat Harus

Para rasul harus (ja'iz) bersifat dengan sifat-sifat manusiawi (الْأَعْرَاضُ الْبَشَرِيَّةُ) yang tidak mengurangkan martabat mereka yang tinggi seperti makan, minum, lapar, dahaga, berjalan, berjual beli, berperang, menaiki tunggangan, tidur, berkahwin, sakit yang ringan, mengembala kambing, pergi ke pasar, melakukan jimak dengan isteri yang halal, memiliki hamba-hamba dan sebagainya.

-Dalil Naqli

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِنَ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا إِهْمَ لِيَأْكُلُوا الطَّعَامَ وَيَمْشُوا فِي الْأَسْوَاقِ

Maksudnya: *Dan Kami tidak mengutus rasul-rasul sebelum kamu tentu makan minum dan berjalan di pasar-pasar...*

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا وَذُرِّيَّةً

Maksudnya: *Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengutus rasul-rasul sebelummu, dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan ...*

وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُ أَنِّي مَسَّنِيَ الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya: *Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayub, ketika dia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani.*

3.7 Hikmah Sifat Harus Bagi Rasul

- i. Ia menolak pendapat golongan Nasrani yang mengatakan rasul bersifat dengan sifat ketuhanan.
- ii. Ia juga menolak pendapat golongan kuffar Makkah yang mengatakan rasul bersifat dengan sifat malaikat yang menyebabkan mereka tidak mempercayai Nabi Muhammad sebagai seorang rasul.
- iii. Ia menafikan para rasul bersifat dengan perangai yang tidak elok seperti tamak, kasar dan sifat-sifat keji yang lain.
- iv. Ia menafikan para rasul berpenyakit dengan sakit yang boleh menurunkan martabat mereka seperti gila, sopak, kusta dan lain-lain.

3.8 Kitab Samawi

Beriman kepada Kitab adalah salah satu rukun iman yang wajib diimani. Terdapat 4 buah kitab samawi iaitu Al- Quran, Taurat, Injil dan Zabur.

a) Al-Quran

Adapun mengenai definisi al-Qur'an sendiri, maka ia asalanya sama dengan qira'at, iaitu akar kata dari qara'a, qira'atan wa qur'an. Qara'a memiliki arti mengumpulkan dan menghimpun. Qira'at berarti merangkai huruf-huruf dan kata-kata yang satu dengan lainnya dalam satu ungkapan kata yang teratur.

Pada hakikatnya, istilah "al-Qur'an" ini adalah nama untuk menunjukkan wahyu yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW. Dinamakan al-Qur'an karena ia meliputi segala surat.¹⁵ Sedangkan sebagian ulama lainnya berpendapat bahwa penamaan kitab ini dengan istilah "al-Qur'an" karena kitab ini juga mencakup esensi dari semua ilmu.

Hal itu diisyaratkan dalam firman-Nya Q.S. al-Nahl [18]: 89 sebagai berikut:

وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِّنْ أَنفُسِهِمْ وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَىٰ هَؤُلَاءِ

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ

b) Taurat

Taurat adalah nama sebuah kitab yang diturunkan kepada nabi Musa AS. Perkataan taurat bersumber dari bahasa Ibrani yang asalnya adalah *tauran* yang berarti petunjuk. Secara istilah, taurat berarti lembaran-lembaran yang berisi tentang kalimat-kalimat yang diturunkan kepada nabi Musa AS. di gunung Thur. Di antara kitab-kitab yang diturunkan kepada nabi Musa, kitab inilah yang menjadi syari'at pokok.¹¹ Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an Q.S. al-Maidah [5]: 44.

إِنَّا أَنْزَلْنَا التَّوْرَةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ يَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ الَّذِينَ أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَالرَّبِّيُّونَ
وَالْأَحْبَارُ بِمَا اسْتُحْفِظُوا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءَ فَلَا تَخْشَوُا النَّاسَ وَآخِشُوا وَلَا
تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

Artinya: “Sesungguhnya Kami telah menurunkan kitab Taurat di dalamnya(ada) petunjuk dan cahaya (yang menerangi), yang dengan kitab itu diputuskan perkara orang-orang Yahudi oleh nabi-nabi yang menyerah diri kepada Allah, oleh orang-orang alim mereka dan pendeta-pendeta mereka, disebabkan mereka diperintahkan memelihara Kitab-Kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya. karena itu janganlah kamu takut kepada manusia, (tetapi) takutlah kepada-Ku. dan janganlah kamu menukar ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit. Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, Maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir.”

c) Injil

Injil adalah nama wahyu yang diturunkan kepada nabi Isa AS. yang kemudian dikumpulkan oleh para sahabat beliau. Istilah injil merupakan kata yang telah diserap ke dalam bahasa Arab. Ada yang berpendapat bahwa istilah ini bersumber

dari Bahasa Romawi (وَمِيلِيَّانَاث) yang bermaksud kabar baik. Sedangkan Imam Qurtubi berpendapat bahwa istilah Injil bersumber dari bangsa Suryani. Pendapat lainnya menyatakan bahwa injil bersumber dari bahasa Yunani, yaitu (وَنُيْلْيَانَاوُ) yang bermaksud kalimat fasih. Sebagian ahli bahasa dan ahli tafsir berpendapat bahwa istilah ini berasal dari bahasa Arab yang akar katanya adalah *najlan* (نَجَال) yang berarti air yang keluar dari bumi.¹² Mengenai kitab Injil, Allah SWT juga telah menyebutkannya dalam al-Qur'an Q.S. al-Maaidah [5]: 46:

وَقَفَّيْنَا عَلَىٰ آثَرِهِم بِعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَآتَيْنَاهُ الْإِنْجِيلَ
فِيهِ هُدًى وَنُورٌ وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ

Maksudnya: “Dan Kami iringkan jejak mereka (Nabi Bani Israil) dengan Isa putera Maryam, membenarkan kitab yang sebelumnya, iaitu: Taurat. dan Kami telah memberikan kepadanya kitab Injil sedang didalamnya (ada) petunjuk dan cahaya (yang menerangi), dan membenarkan kitab yang sebelumnya, iaitu kitab Taurat. dan menjadi petunjuk serta pengajaran untuk orang-orang yang bertakwa.”

Merujuk kepada perkembangannya, banyak bahagian asal dari Injil telah dihapus. Hal ini menyebabkan kita ragu terhadap bahagian-bahagian lainnya. Secara sejarahnya, kitab ini baru dihimpun lebih dari seabad sejak kewafatan nabi Isa AS iaitu setelah selesainya zaman *hawariyyin* atau para murid nabi Isa AS.¹³ Oleh karena itu, kitab Injil tidaklah boleh dinisbatkan kepada Nabi Isa' AS, melainkan orang-orang setelahnya.

d) Zabur

Secara etimologi, kata zabur berasal dari bahasa Arab yang akar katanya adalah *zabran* yang bermaksud melempar, akal, sabar, menulis atau tulisan.⁸ Adapun secara istilah, zabur bermaksud sebuah nama yang ditujukan kepada himpunan perkataan nabi Dawud AS. baik yang berupa wahyu maupun ilham yang ia peroleh dari hasil munajatnya kepada Allah SWT.⁹ Perkara ini juga telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya Q.S. al-Isra' [17]: 55 yang berbunyi:

وَرَبُّكَ أَعْلَمُ بِمَن فِي السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَلَقَدْ فَضَّلْنَا بَعْضَ النَّبِيِّنَ عَلَى بَعْضٍ وَءَاتَيْنَا
دَاوُدَ زَبُورًا

Maksudnya: *“Dan Tuhan-mu lebih mengetahui siapa yang (ada) di langit dan di bumi. dan Sesungguhnya telah Kami lebihkan sebagian nabi-nabi itu atas sebagian (yang lain), dan Kami berikan Zabur kepada Dawud.”*

e) Suhuf-suhuf

Suhuf adalah kitab-kitab yang diturunkan kepada nabi Ibrahim AS dan Musa AS sebagaimana disebut dalam Q.S. al-Najm [53]: 36-42.

أَمْ لَمْ يُنَبِّأْ بِمَا فِي صُحُفِ مُوسَىٰ ۖ وَإِبْرَاهِيمَ الَّذِي وَفَّىٰ ۖ ٣٦
أَلَّا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۚ ٣٧
وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ۚ ٣٨
وَأَن سَعَىٰ سَوْفَ يُرَىٰ ۚ ٣٩
ثُمَّ يُجْزَاهُ الْجَزَاءُ الْأَوْفَىٰ ۚ ٤٠
وَأَن إِلَىٰ رَبِّكَ أَلْمُنْتَهَىٰ ۚ ٤١

Maksudnya: *“Ataukah belum diberitakan kepadanya apa yang ada dalam lembaran-lembaran Musa? dan lembaran-lembaran Ibrahim yang selalu menyempurnakan janji? (yaitu) bahwasanya seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain, dan bahwasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya, dan bahwasanya usaha itu kelak akan*

diperlihat (kepadanya). Kemudian akan diberi balasan kepadanya dengan balasan yang paling sempurna, dan bahwasanya kepada Tuhamulah kesudahan (segala sesuatu).”

Adapun kitab-kitab lainnya yang diturunkan oleh Allah kepada para rasul-Nya yang lain tidak disebutkan secara jelas kepada kita.

TOPIK 4: SAM'IYYAT

Ia bermaksud segala perkara ghaib yang diketahui hanya melalui penjelasan daripada al-Quran dan hadis Nabi. Contoh ialah Alam barzakh, padang mahsyar, mizan (timbangan amal), syurga, neraka dan sebagainya. Syurga sudah semestinya menjadi destinasi terakhir yang diinginkan seluruh manusia. Ia merupakan tempat pembalasan yang dipenuhi dengan nikmat yang kekal abadi bagi hamba Allah yang beriman. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمُوتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

Maksudnya: *Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal amal yang baik untuk mendapat) keampunan daripada Tuhan kamu, dan mendapat syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa (Al-Imran:133)*

Sedangkan, apabila menyebut tentang neraka, walaupun kita tidak pernah melihatnya, namun kita sentiasa berlindung dan berdoa kepada Allah agar tidak dimasukkan ke dalamnya. Allah Subhanahu berfirman:

فَإِن تَفْعَلُوا لَمْ يَكُنْ لَّكُمْ فُتْرًا وَلَٰكِن تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ

Maksudnya: *Maka kalua kamu tidak dapat membuatnya dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan bahan bakarannya. Manusia dan batu batu (berhala), iaitu neraka yang disediakan untuk orang orang kafir.*(al Baqarah :24)

Apabila kita percaya kepada perkara sam'iyat, sudah semestinya ia memberi kesan pada kehidupan kita. Antaranya seperti berikut:

- Beribadah dengan sebaik mungkin semata-mata kerana Allah.
- Timbul kesedaran untuk berusaha meninggalkan maksiat dan dosa.
- Menambah keyakinan terhadap keagungan dan kekuasaan Allah.
- Sentiasa mengamalkan akhlak dan perilaku yang baik.

Perkara sam'iyat pada bahasa diambil dari kata dan kata sam'iyat merupakan jama سمع kepada kata سمعية yang membawa maksud pendengaran.

- Sam'iyat pada istilah bermaksud perkara-perkara yang dapat diketahuinya adalah dengan melalui pendengaran seseorang. (Ali al-Mahdli, 1996)
- Istilah al-ghaybiyyat, atau kadang-kadang disebut juga sebagai al-mughibat, adalah merujuk kepada perkara-perkara yang di luar jangkauan pancaindera manusia, di mana kesan-kesan daripada perkara tersebut tidak boleh ditemui atau dikesani oleh manusia di sekitar kehidupan harian biasa mereka, dan tidak pula ada jalan lain untuk mengetahui serta mengimaninya selain daripada menerusi jalan perkhabaran atau dalil yang boleh diyakini lagi qat'i, iaitu tentunya perkhabaran yang diberitahu oleh dua saluran iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah.
- Menurut al-Raghib al-Asfahani perkara ghaib merujuk kepada setiap perkara yang berada di luar upata pancaindera untuk mencapainya.

4.1 AZAB KUBUR

Sebenarnya secara nas memang tidak terdapat dalam al-Quran, tetapi dari segi dalalahnya terdapat ayat-ayat yang menunjukkan adanya azab kubur. Ini dikuatkan lagi dengan tafsiran para ulama dan ahli tafsir. Antara ayat-ayat tersebut ialah:

Pertama: Firman Allah SWT:

فَوَقَّهٖ اللَّهُ سَيِّئَاتِ مَا مَكَرُوا ۖ وَحَاقَ بِآلِ فِرْعَوْنَ سُوءُ الْعَذَابِ ۚ النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا آلَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ

Maksudnya: *Dan Firaun bersama-sama kaumnya ditimpa azab seksa yang seburuk-buruknya. Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam barzakh), dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): “Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!”* (Surah Ghafir: 45-46)

Sayyid Qutub berkata: Ayat ini menyatakan bahawa mereka didedahkan kepada neraka pada waktu pagi dan petang iaitu dalam tempoh selepas mati hingga berikutnya kiamat. Mungkin azab ini ialah azab kubur kerana selepas itu al-Quran menyebut:

وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا آلَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ

Maksudnya: *Dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!* (Surah Ghafir: 46)

Ayat di atas menerangkan tentang azab sebelum hari kiamat, iaitu satu azab yang amat dahsyat. Mereka didedahkan kepada api neraka pada waktu pagi dan petang. Ketika menafsirkan ayat ini, Imam al-Qurtubi mengatakan, bahawa Mujahid, Ikrimah, Muqatil,

dan Muhammad bin Ka'ab kesemua mereka mengatakan ayat ini membuktikan wujudnya azab kubur di alam dunia.

Kedua: Firman Allah SWT:

وَإِنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا عَذَابًا دُونَ ذَلِكَ وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan beroleh azab seksa selain dari azab yang tersebut, akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).* (Surah al-Thur: 47)

Berhubung dengan ayat ini terdapat banyak pandangan ulama. Antara pendapat mereka ialah azab sebelum mereka mati. Pendapat Ibn Zaid pula ialah, segala musibah dunia seperti kelaparan atau kebuluran, sakit, bencana, kehilangan harta dan anak-anak.

Mujahid pula menafsirkan, maksudnya ialah kelaparan dan kesusahan selama tujuh tahun. Ibn Abbas pula diriwayatkan daripadanya dua pendapat, pertama maksudnya pembunuhan mereka waktu peperangan Badar. Pendapat kedua Ibn Abbas mengatakan ia bermaksud azab kubur. Ia disokong oleh al-Barra' bin Azib dan Ali bin Abi Talib.

4.2 HARI KEBANGKITAN

Setelah jasad hancur, manusia kemudian dibangkitkan yaitu mereka dihidupkan dan dikeluarkan dari kubur mereka.

DALIL DALIL ADANYA HARI BERBANGKIT

Pertama: Dalil yang menunjukkan Allah menciptakan langit dan bumi, seperti dalam ayat:

خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ٥٧

Maksudnya: *Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi lebih besardaripada penciptaan manusia akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.* (Surah Ghafir :57)

Kedua: Dalil yang menunjukkan dihidupkannya bumi setelah matinya, seperti pada firman Allah:

وَمِنْ ءَايَاتِهِ ۚ إِنَّكَ تَرَى الْأَرْضَ خَاشِعَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ ۚ إِنَّ الَّذِي أَحْيَاهَا لَمُحْيٍ
الْمُوتَى ۚ إِنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ٣٩

Maksudnya: *Dan di antara tanda tandanya ialah bahawa kau lihat bumi kering dan gersang, maka apabila kami turunkan air di atasnya, niscaya ia bergerak dan subur. Sesungguhnya Tuhan yang menghidupkannya, pastilah dapat menghidupkan yang mati. Sesungguhnya dia maha kuasa atas segala sesuatu (Fusilat:39)*

Ketiga: Dalil yang menunjukkan adanya penciptaan manusia. Allah yang mampu mencipta manusia tentu mampu untuk mengembalikan dengan menghidupkan Kembali. Hal ini sebagaimana dalam ayat:

قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنْشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ ۚ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ۝ ٧٩

Maksudnya: *Katakanlah, ia akan dihidupkan oleh Rabb yang menciptakannya kali yang pertama. Dan dia maha mengetahui tentang segala makhluk. (Yasin: 79)*

4.3 TANDA TANDA HARI KIAMAT

1. Munculnya Imam Mahdi

Kemunculan Imam Mahdi menjadi salah satu tanda datangnya akhir zaman. Hal ini sesuai dengan hadits riwayat Al Hakim, Rasulullah SAW bersabda,

"Imam Mahdi akan keluar di akhir umatku. Allah akan menurunkan hujan, akan menumbuhkan tanaman di muka bumi, harta akan dibagi secara merata. Binatang ternak akan semakin banyak, begitu juga umat akan bertambah besar. Imam Mahdi hidup selama 7 atau 8 tahun."

2. Dajjal

Selain Imam Mahdi, ada juga kemunculan Dajjal yang diriwayatkan oleh Nabi Muhammad SAW. Dajjal diketahui akan menyebarkan fitnah di muka bumi.

Dalam hadits riwayat Muslim, Rasulullah bersabda "Tidak ada satu pun makhluk sejak Adam diciptakan hingga terjadinya kiamat yang fitnahnya lebih besar dari Dajjal."

3. Nabi Isa Memimpin Dunia

Al-Quran surah An -Nisa ayat 159, Allah SWT berfirman bahwasanya Nabi Isa akan muncul di dunia dan menjadi saksi bagi atas umat manusia. Firman Allah:

وَأَنَّ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِلَّا لَيُؤْمِنَنَّ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ وَيَوْمَ الْقِيَمَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا

Maksudnya: *Tidak ada seorang pun di antara Ahli Kitab yang tidak beriman kepadanya (Isa) menjelang kematiannya. Dan pada hari Kiamat dia (Isa) akan menjadi saksi mereka.*

4. Ya' juj dan Ma' juj

Al-Quran dalam surah Al Kahfi ayat 94, Allah SWT berfirman mengenai Ya'juj dan Ma'juj yakni kaum yang menjadi perusak di bumi.

قَالُوا يٰذَا الْقَرْنَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ تَجْعَلَ

بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ۚ ٩٤

Maksudnya: *Mereka berkata, "Wahai Zulkarnain! Sungguh, Ya'juj dan Ma'juj itu (makhluk yang) berbuat kerusakan di bumi, maka bolehkah kami membayarmu imbalan agar engkau membuatkan dinding penghalang antara kami dan mereka?"*

5. Daabbah (Binatang Melata)

Kemunculan binatang melata disebutkan dalam hadist yang sama dengan terbitnya matahari dari arah Barat. Namun, tidak diketahui mana yang dulu akan terjadi, apakah kemunculan binatang melata atau matahari dari Barat.

6. Kabut dan Angin Berhembus

Dalam Quran surat Ad Dukhan, Allah SWT memberitahu mengenai kemunculan kabut yang menjadi peringatan akan datangnya hari kiamat. Firman Allah Ta'ala:

فَأَرْتَقِبْ يَوْمَ تَأْتِي السَّمَاءُ بِدُحَانٍ مُّبِينٍ ١٠

Maksudnya: *Maka tunggulah pada hari ketika langit membawa kabut yang tampak jelas.*

7. Munculnya Api

Berdasarkan hadits riwayat Muslim, kemunculan api menjadi tanda tanda kiamat. Bahkan, api tersebut membawa manusia menuju tempat berkumpul.

"Dan yang terakhirnya adalah api yang keluar dari Yaman, menggiring manusia ke tempat mereka berkumpul"

8. Terjadinya Gempa Bumi

Gempa di muka bumi saat hari kiamat dijelaskan dalam Al Quran. Firman Allah Ta'ala:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: *Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhanmu; sungguh, guncangan (hari) Kiamat itu adalah suatu (kejadian) yang sangat besar. (Al Hajj: ayat 1)*

9. Kehancuran Qa'bah

Tanda-tanda kiamat yang terakhir adalah hancurnya Qa'bah. Hal itu sesuai sabda Rasulullah SAW.

"Hari kiamat tidak akan terjadi sebelum Qa'bah ini tidak lagi didatangi orang untuk menunaikan ibadah haji." (riwayat Hakim dan Abu Ya'la, oleh Abu Sa'id Al Khudri r.a)

Dalam hadits riwayat Muslim dan Bukhari, dari Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda, "Qa'bah diruntuhkan oleh Dzu Suwaiqatain dari Habasyah." (Irsyadul hadith)

4.4 HISAB

Peristiwa perhitungan amal manusia selama di dunia adalah benar. Mengenai kebenaran tentang salah satu peristiwa dari hari kiamat ini, Allah SWT telah menjelaskannya dalam Al Quran:

وَقَالُوا رَبَّنَا عَجِّلْ لَنَا قِطْنَآ قَبْلَ يَوْمِ الْحِسَابِ ١٦

Maksudnya: *"Dan mereka berkata, "Ya Tuhan kami, segerakanlah azab yang diperuntukkan bagi kami sebelum hari perhitungan." (Sad:16)*

Sebelum memasuki peristiwa Yaumul Hisab, manusia akan berkumpul di Padang Mahsyar. Di Padang Mahsyar inilah manusia menunggu giliran untuk melakukan perhitungan amal perbuatan selama di dunia atau Yaumul Hisab. Peristiwa Yaumul Hisab ini pun artinya kondisi manusia masih sangat bergantung dengan amal perbuatannya di dunia. Hal ini berarti, proses perhitungan amal akan terasa lebih cepat dan mudah bagi mereka yang selalu melakukan amal kebaikan dan ibadah.

Sementara itu, bagi manusia yang terbiasa melakukan kemaksiatan selama di dunia akan ditimpakan rasa penyesalan. Mereka akan menerima catatan amal di tangan kiri lalu dimasukkan dalam neraka, seperti yang diceritakan dalam surat Al Haqqah ayat 25:

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِشِمَالِهِ فَيَقُولُ يَلَيْتَنِي لَمْ أُوتَ كِتَابِيهِ ۚ ٢٥

Maksudnya: "Maka adapun orang yang catatannya diberikan dari sebelah kanannya, maka dia akan diperiksa dengan pemeriksaan yang mudah,"

Sebab itu, Yaumul Hisab artinya sebuah peristiwa yang sangat menentukan bagi manusia. Hasil dari perhitungan amal perbuatan tersebut akan menentukan tujuan alam akhirat manusia selanjutnya yakni, surga atau neraka.

4.5 MIZAN

Mizan secara etimologi bahasa bermakna sesuatu yang digunakan untuk mengukur berat dan ringannya sesuatu. Adapun pengertiannya secara syar'i adalah sesuatu yang Allah letakkan untuk menimbang amalan hamba-hamba-Nya pada hari kiamat nanti. Para pembaca yang budiman, landasan hukum adanya mizan ini bersumber dari Al-Qur'an, hadits-hadits shahih dan bahkan kesepakatan para ulama. Allah berfirman:

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا ۚ وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا ۚ وَكَفَىٰ

بِنَا حُسْبَيْنَ ٤٧

Maksud: "Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, Maka tiadalah dirugikan seseorang barang sedikitpun. dan jika (amalan itu) Hanya seberat biji sawipun pasti kami mendatangkan (pahala)nya. dan cukuplah kami sebagai pembuat perhitungan." (Al-Anbiya: 47).

Adapun bentuk plural dari *mizan* adalah *mawazin* sebagaimana tersebut pada ayat di atas. Ibnu Kathir mengatakan dalam tafsirnya, "Kami akan meletakkan timbangan-timbangan keadilan pada hari kiamat nanti. Namun majoriti berpandangan timbangan ini disebutkan dalam bentuk tunggal. Disebutkan secara plural pada ayat di atas karena berbilangnya

amalan-amalan yang akan ditimbang pada mizan.” Nabi bersabda dalam sebuah hadits riwayat Al-Bukhari dan Muslim.

“Ada dua kalimat yang disukai oleh Ar-Rahman, ringan untuk diucapkan dengan lisan namun timbangan keduanya berat dalam mizan. Dua kalimat tersebut adalah Subhnallah wa bihamdihi subhanallahil adzim”.

Sementara itu para ulama telah bersepakat bahwa keberadaan mizan di hari kiamat kelak merupakan salah satu aqidah yang harus diyakini kebenarannya. Zuhair menuturkan, “Saya mendapatkan dari guru-guru kami seperti Malik, Sufian, Fudhail, Isa bin Yunus, Ibnu Mubarak dan Waki’ibnu Jarrah. Mereka semua menyatakan bahwa mizan itu memang benar adanya.” Dengan demikian tidak sepatutnya seseorang muslim mengingkarinya kerana dalilnya begitu jelas dan nyata.

Para ulama ahlu sunnah telah menjelaskan bahawa mizan tersebut adalah mizan yang hakiki. Tidak sebagaimana pandangan yang suarakan oleh orang-orang mu’tazilah bahwa mizan tersebut adalah mizan maknawi. Mereka menafsirkan bahwa mizan yang tersebut dalam Al-Qur’an maupun hadits adalah penegakan keadilan. Karena objek yang akan ditimbang adalah amalan manusia yang sifatnya maknawi (bukan inderawi) sehingga mizannya pun demikian. Inilah salah satu ciri khas pemikiran orang-orang muktazilah yang sentiasa mendepankan akal daripada Al-Qur’an dan Sunnah. Padahal Rasulullah s.a.w pernah menceritakan kisah bahwa mizan ini mempunyai dua daun timbangan. Baginda bersabda dalam hadits bithaqah riwayat At-Tirmidzi dan dishahihkan oleh Syaikh Al-Albani,

“Lalu diletakkan catatan-catatan amalan pada sebuah daun timbangan dan bithaqah itu pada daun timbangan yang lain.”

Jelasnya pandangan orang-orang muktazilah sangat lemah dan begitu mudah dibantah. Karena mudah bagi Allah ta’ala untuk membuat amalan-amalan manusia menjadi sesuatu yang *hissi* (sesuatu yang boleh ditanggap oleh pancaindera) sehingga bisa ditimbang dalam

mizan. Allah Maha mampu untuk membuat berbagai perkara yang maknawi menjadi *hissi*. Sebagaimana kelak di hari kiamat kematian akan didatangkan dalam wujud diri manusia. Kemudian Allah akan tentukan tempatnya sama ada antara syurga dan neraka lantas dikatakan kepada mereka,

“Wahai penduduk syurga yang ada adalah kekekalan dan tidak ada kematian. Wahai penduduk neraka yang ada adalah kekekalan dan tidak ada kematian.”

Mizan tersebut akan menimbang segala amal yang pernah dilakukan oleh manusia. Sehingga amalan sekecil apapun meskipun sebesar zarah (semut yang sangat kecil) akan dibalas pada hari kiamat nanti. Oleh karenanya di antara buah keimanan terhadap mizan adalah tumbuhnya rasa takut kepada Allah untuk melakukan amal jahat. Demikian halnya akan menumbuhkan motivasi besar untuk memperbanyak amal shalih. Sebagai upaya untuk memperberat timbangan amal kebaikan di akhirat nanti. (Abu Hafy Abdullah)

4.6 SIRAT

Secara bahasa, *as-sirat* mengandung makna “suatu jalan yang terang” berdasarkan kitab *Maqayis Al-Lughah* karya Ibnu Faris. Menurut istilah syar’i, *as-sirat* adalah “jambatan yang dibentangkan di atas punggung (permukaan) neraka Jahannam berdasarkan kitab *Majmu’ Al-Fatawa dan Fathul Baari*. Al-Bukhari *rahimahullah* berkata:

“Bab (tentang) *as-sirat*: Jambatan (di atas) neraka jahannam.” (Shahih Al-Bukhari).

Oleh karena itu, tidak ada jalan menuju surga kecuali dengan melewati *as-sirat* (jambatan) ini.

Dalil-Dalil Yang Menetapkan Adanya Sirat

Adanya *as-sirat* ditetapkan berdasarkan dalil-dalil dari Al-Quran, As-Sunnah, dan ijmak para ulama.

a) Dalil dari Al-Qur'an

Allah Ta'ala berfirman:

وَإِنْ مِنْكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا كَانَ عَلَى رَبِّكَ حَتْمًا مَقْضِيًّا ٧١

Maksud: *“Dan tidak ada seorang pun dari padamu, melainkan mendatangi neraka itu. Hal itu bagi Tuhanmu adalah suatu kemestian yang sudah ditetapkan.”* (Maryam: 71)

Para ulama ahli tafsir berbeda pendapat tentang makna “mendatangi neraka” (al-wuruud) dalam ayat di atas. Sebahagian ulama berpendapat bahwa maknanya adalah “masuk ke dalam neraka”. Ini adalah pendapat Ibnu Mas'ud, Ibnu 'Abbas, Ibnu Juraij, dan pendapat yang dipilih oleh Al-Qurthubi berdasarkan kitab Jami'ul Bayan karya At-Tabari dan kitab At-Tazkirah bi Ahwaalil Mauta wa Umuuril Akhirah.

b) Dalil dari As-Sunnah

Dari Abu Hurairah r.a., Rasulullah s.a.w bersabda dalam sebuah potongan hadis yang panjang tentang kondisi pada hari kiamat “dan dibentangkanlah as-sirat di antara kedua punggung neraka jahannam. Maka aku dan umatku adalah yang pertama kali melintasinya. Tidak ada seorang pun yang berbicara ketika itu kecuali para rasul. Ucapan para rasul ketika itu adalah:

'Ya Allah, selamatkanlah, selamatkanlah ... “berdasarkan kitab Hadis Sahih Bukhari.

c) Dalil Ijmak Ulama'

Dari Abu Muhammad bin 'Abdurrahman bin Abu Hatim, beliau berkata,” Aku bertanya kepada bapakku dan Abu Zur'ah tentang madzhab ahlus sunnah dalam pokok-pokok agama, dan apa yang mereka ketahui dari para ulama di berbagai penjuru negeri dan apa yang mereka berdua yakini tentang hal itu? Maka keduanya menjawab, 'Kami menjumpai ulama dari berbagai negeri, baik negeri Hijaz, Iraq, Syam, dan negeri Yaman, maka di antara madzhab mereka: ... dan as-sirat adalah haq (benar adanya)']. Diriwayatkan oleh Al-Laalika'i dalam kitab Syarh Ushuul I'tiqaad Ahlus Sunnah.

4.7 SYURGA DAN NERAKA

Syurga adalah rumah kebahagiaan yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada orang-orang yang beriman. Diperuntukkan bagi orang-orang yang melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ (7) جَزَاؤُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتٌ عَدْنٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ.

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh mereka itu adalah sebaik-baik makhluk. Balasan mereka di sisi Tuhan mereka ialah surga 'Adn yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah ridha terhadap mereka dan merekapun ridha kepadaNya. Yang demikian itu adalah (balasan) bagi orang yang takut kepada Tuhannya. (Al-Bayyinah: 7-8).*

Di dalamnya terdapat segala kenikmatan dan keindahan, yang tidak pernah terbayangkan di dalam angan dan perasaan manusia di dunia. Tentang nikmat surga ini, al-Qur'an menggambarkan:

مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعدَ الْمُتَّقُونَ فِيهَا أَنْهَارٌ مِنْ مَاءٍ غَيْرِ ءَاسِنٍ وَأَنْهَارٌ مِنْ لَبَنٍ لَمْ يَتَغَيَّرَ طَعْمُهُ وَأَنْهَارٌ مِنْ خَمْرٍ لَذَّةٍ لِلشَّارِبِينَ وَأَنْهَارٌ مِنْ عَسَلٍ مُصَفًّى وَهُمْ فِيهَا مِنْ كُلِ الثَّمَرَاتِ وَمَغْفِرَةٌ مِنْ رَبِّهِمْ كَمَنْ هُوَ خَالِدٌ فِي النَّارِ وَسُقُوا مَاءً حَمِيمًا فَقَطَّعَ أَمْعَاءُهُمْ.

Maksudnya: *(Apakah) perumpamaan (penghuni) surga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertakwa yang di dalamnya ada sungai-sungai dari air yang tiada berubah rasa dan baunya, sungai-sungai dari air susu yang tiada berubah rasanya, sungai-sungai dari khamar (arak) yang lezat rasanya bagi peminumnya dan sungai-sungai dari madu yang disaring; dan mereka memperoleh di dalamnya segala macam buah-buahan dan ampunan dari Tuhan mereka, sama dengan orang yang kekal dalam neraka dan diberi*

minuman dengan air yang mendidih sehingga memotong-motong ususnya? (Muhammad: 15).

Sedangkan nikmat teragung bagi penduduk surga adalah tatkala mereka melihat Allah SWT secara langsung. Dzat yang Maha Rahasia, yang tidak dapat dibayangkan dan dilihat selama hidup di dunia, akan dapat dilihat secara jelas. Lama atau sebentarnya seseorang melihat Allah SWT tergantung seberapa banyak amal kebajikan yang dilakukan di dunia. Dalam al-Qur'an Allah SWT berfirman:

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَاصِرَةٌ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاطِرَةٌ.

Maksud: “Wajah-wajah (orang-orang mukmin) pada hari (akhirat) itu berseri-seri. Kepada Tuhan-Nyalah mereka melihat” (al-Qiyamah: 22-23).

Hadits Nabi Muhammad SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّاسَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ نَرَىٰ رَبَّنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ هَلْ تُضَارُّونَ فِي الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ؟ قَالُوا لَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ فَهَلْ تُضَارُّونَ فِي الشَّمْسِ لَيْسَ دُونَهَا . سَحَابٌ؟ قَالُوا لَا يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ فَإِنَّكُمْ تَرَوْنَهُ كَذَلِكَ .

Maksudnya: “Dari Abû Hurairah RA bahwa orang-orang bertanya kepada Rasulullah, ‘Wahai Rasulullah, apakah kami bisa melihat Tuhan kami pada hari kiamat? Rasulullah SAW bertanya, ‘apakah mata kalian rusak ketika melihat bulan purnama? Mereka menjawab, ‘Tidak, Rasul’. Rasul bertanya, ‘Apakah berbahaya pada mata kalian ketika melihat mentari yang tak terhalang awan? Mereka menjawab, ‘Tidak Rasul’. Rasul bersabda, ‘Ya begitulah, kalian akan melihat Tuhan kalian.’”

RUJUKAN

1. Dardir, Syarah al-Kharidah al-Bahiyah, Maktabah al-Kasyidah.
2. Haji Johari Haji Alias, Asas Pendidikan Akidah, Darul Nukman Kuala Lumpur.
3. Mohammad Haji Rais, Bimbingan Mengenal Tauhid dan Akidah, Pustaka Nasional.
4. Muhadir Haji Joll, Sifat 20 Suatu Pengenalan Asas, Galeri Ilmu.
5. Nawawi al-Jawi, Kasyif al-Saja, Dar Ibnu Hazim.
6. Raja Ahmad Mukhlis, Akidah Mukmin, Maktabah Ihya'.
7. Sayid Sabiq, Akidah Islam, Pustaka Nasional Singapura.
8. Tahir al-Jazairi, Jawahir al-Kalamiyah, Dar Ibnu Hazim.